

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA)

TARIKH: 02 MAC 2018

MUKA SURAT: 27



Pengisytiharan itu juga hanya dapat dilakukan selepas enakmen Majlis Bandaraya Seremban dibentang dan diluluskan di Dewan Undangan Negeri (DUN) tahun ini."

MOHAMAD HASAN
Menteri Besar

MPS, MPN bakal bergabung April ini

SEREMBAN 1 Mac. - Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan Majlis Pembandaran Nilai (MPN) akan digabungkan secara pentadbiran pada minggu kedua April ini yang akan membuka jalan ke arah pengisytiharan Daerah Seremban sebagai bandar raya.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, penggabungan itu membolehkan pentadbiran kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) itu disatukan terutamanya yang berkaitan sumber manusia dan kemudahan tertentu seperti pejabat.

Beliau berkata, ini bagi membentuk sistem pentadbiran yang lancar dan licin sebelum Majlis Bandaraya Seremban (MBS) dibentuk.

"Kita jangka dapat mengisytiharkan MBS secara rasmi pada Januari tahun depan sempena Hari Keputeraan Yang Dipertuan

Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir.

"Pengisytiharan itu juga hanya dapat dilakukan selepas enakmen MBS dibentang dan diluluskan di Dewan Undangan Negeri (DUN) tahun ini," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Exco di sini.

Tambahnya, kerajaan negeri berharap dapat membentangkan enakmen MBS di DUN pada Mei ini.

Pada April 2012, kabinet telah meluluskan permohonan oleh kerajaan negeri untuk menaik taraf status bandar Seremban sebagai bandar raya.

Mohamad menarik perhatian, walaupun pentadbiran MPS dan MPN digabungkan mulai tarikh tersebut, semua urusan seperti bayaran cukai atau permohonan lesen perniagaan akan berjalan seperti biasa dan tidak mengalami sebarang perubahan.